

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah bilangan rumah berharga lebih RM1 juta yang tidak terjual setakat ini mengikut negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Maklumat Harta Tanah Siap Dibina Tidak Terjual Suku Kedua Tahun 2019 yang diterbitkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), terdapat sebanyak 32,810 unit rumah siap dibina tidak terjual daripada 124,124 unit rumah yang dilancarkan. Bagi unit rumah bernilai RM1,000,000 ke atas, sebanyak 4,213 unit rumah siap dibina tidak terjual direkodkan daripada 15,252 unit rumah yang dilancarkan. Pecahan bagi unit rumah siap dibina tidak terjual mengikut negeri bagi kategori kediaman berharga RM1 juta ke atas adalah seperti jadual berikut:

**MAKLUMAT HARTANAH KEDIAMAN BERHARGA RM1,000,000 KE ATAS
MENGIKUT NEGERI (SUKU KEDUA TAHUN 2019)**

NEGERI	UNIT DILANCAR	UNIT TIDAK TERJUAL	NILAI (RMJUTA)
JOHOR	3,473	1,240	2,164.80
KEDAH	0	0	0.00
KELANTAN	54	22	35.12
MELAKA	173	53	60.29
NEGERI SEMBILAN	224	91	141.76
PAHANG	179	98	131.21
PERAK	121	53	86.09
PERLIS	0	0	0.00
PULAU PINANG	3,506	924	1,926.91
SABAH	418	131	224.27
SARAWAK	20	17	18.95
SELANGOR	3,485	930	1,881.00
TERENGGANU	0	0	0.00
W.P LABUAN	0	0	0.00
W.P KUALA LUMPUR	3599	654	1720.93
W.P PUTRAJAYA	0	0	0.00
JUMLAH	15,252	4,213	8,391.33

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Sekian, terima kasih.